



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TARIKH	ISNIN, 17 JANUARI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	UJIAN PELURU HIPERSONIK KOREA UTARA ANCAM KESTABILAN SERANTAU
M/S	12
BIDANG	NUCLEAR
KATA KUNCI	NORTH KOREA

Ujian peluru hipersonik Korea Utara ancam kestabilan serantau



Penolong Pendaftar,
Universiti
Malaya (UM)

Oleh Collins Chong Yew Keat
bhrencana@bh.com.my

Ujian peluru berpandu hipersonik kedua oleh Korea Utara pada 11 Januari lalu dalam tempoh seminggu, terus meng-gusarkan kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) dan menggugat kestabilan rantau khususnya Jepun serta Korea Selatan, sekali gus wajar diberikan perhatian negara lain termasuk Malaysia. Pakar dan penganalisis memberikan gambaran berbeza mengenai kesahihan kejayaan ujian pertama, namun realiti impak ujian kedua menyaksikan kebo-

lehan Korea Utara dalam memperbaharui peluru berpandu hipersonik efisien bertumpukan kebolehan *Hypersonic Glide Vehicle*. Secara teori, kelajuannya setinggi 20 kali ganda kelajuan bunyi (Mach 20) dan berupaya untuk berpindah daripada peluru utama serta mempunyai daya tujahan dan pergerakan tangkas dan lebih jitu hingga menukarkan keupayaan senjata anti-peluru berpandu.

Kebolehan hipersonik ini menjadi faktor kritikal kepada Korea Utara memperkasa keupayaan rundingan dengan kuasa besar serta menerajui kesinambungan negara berpaksikan pegangan ketat rejim dinasti Kim Jong-un. Penguasaan teknologi peluru berpandu dan kuasa nuklear menjadi jaminan kepada kelangsungan rejim Jong-Un untuk digunakan sebagai benteng kepada cabaran luar. Strategi itu mencetuskan risiko konflik nuklear hingga memaksa AS di bawah bekas Presiden Donald Trump bersemuka dengan Jong-Un.

Kegagalan hasrat diplomasi cuba diusahakan AS dan Korea Selatan itu menjadi pemangkin kepada langkah baharu Jong Un untuk terus memaksa kuasa besar melonggarkan sekatan ekonomi yang menyebabkan krisis makanan serta rantaian ekonomi yang berisiko mencapai tahap kebuluran teruk seperti dialami pada pertengahan 1990-an.

Strategi itu akan diteruskan kerana tindakan tidak tunduk kepada tekanan AS dan melepaskan kebebasan kuasa nuklear berdasarkan apa berlaku di Libya apabila Muammar Gaddafi tumbang selepas hilang kuasa nuklear.

Bagaimanapun, implikasi strategi Korea Utara akan membantutkan pembangunan rakyat negara itu apabila sumber dan peruntukan disalurkan kepada pemerkasaan pertahanan serta pembangunan nuklear.

Pentas krisis bakal terjelma akan memberikan bayangan negatif kepada kestabilan rantau terdekat dengan risiko konflik kemunafakan dan kesan campur tangan ketenteraan AS serta sekutu di Semenanjung Korea yang membolehkan pengaruh AS terus bertapak pada jarak geografi hampir dengan China.

Kegusaran dan kebimbangan China terhadap liputan kuasa AS yang mengepung akses China ke pintu masuk Lautan Pasifik dengan pangkalan ketenteraan di Jepun, Korea Selatan, Filipina dan platform jaminan bantuan ketenteraan kepada Taiwan terus meniuip sentimen negara Tembok Besar untuk mempertahankan penguasaan pintu laut di Laut China Selatan dan tekanan mendesak terhadap penguasaan semula Taiwan secara ketenteraan.

Dimensi peperangan dan ketenteraan era baharu akan terus berlandaskan kecanggihan serta penguasaan alat ketenteraan generasi baharu terutama keupayaan peluru berpandu hipersonik yang memberikan kesan mendalam kepada keupayaan cegah rintang serta cerminan keupayaan kuasa efektif.

AS yang mendominasi dalam teknologi ini menyedari pengaruh ke atas sinergi dan kebolehan kuasa hipersonik disaingi dan dipintas dalam aspek tertentu oleh kuasa besar lain terutama China dan Russia.

China mengorak langkah dalam merapatkan jurang kuasa ketenteraan dengan mempercepat peningkatan kapasiti peluru berpandu nuklear. Penganalisis pertahanan AS meramalkan China akan berupaya menghasilkan 700 peluru berpandu nuklear dalam masa enam tahun dan sebanyak 1,000 peluru nuklear menjelang 2030.

“Penguasaan teknologi peluru berpandu dan kuasa nuklear menjadi jaminan kepada kelangsungan rejim Jong-Un untuk digunakan sebagai benteng kepada cabaran luar”



China juga memberikan tamparan hebat kepada AS selepas berjaya melepasi ujian peluru hipersonik generasi baharu dengan keupayaan kelajuan Mach 5 berupaya melepasi rintangan pertahanan anti-peluru berpandu AS. Ia juga dilengkapi kebolehan teknologi *infrared homing* yang dapat memacu keberkesanan sasaran berdasarkan keupayaan sasaran haba, suatu teknologi mungkin tidak diselami sepenuhnya AS.

Di sebalik tirai persengketaan dan risiko konflik di rantau Asia Timur dan Indo-Pasifik, AS juga berdepan dengan kancas risiko konflik di Eropah Timur dengan pendekatan Russia kian meruncing dalam mengancam kedaulatan dan keselamatan Ukraine. Siri diplomasi cuba diketengahkan pentadbiran Presiden Joe Biden di-ke-tuai Setiausaha Negara, Antony Blinken dilihat tidak membuahkan hasil diinginkan.

Kemelut konflik berintensiti tinggi terus mewarnai spektrum politik global, sekali gus menjadi kancas mendesak kuasa sederhana dan kecil lain untuk tidak ketinggalan dalam memperkukuh sistem pertahanan serta cegah rintang yang menjamin keselamatan negara berlandaskan kepentingan nasional dan kesinambungan jaminan keselamatan.

Kemelut konflik tiga berangkai di Indo-Pasifik bertunjangan krisis di Taiwan, Korea Utara dan Laut China Selatan menjadi kepompong dilema kepada kuasa besar luar terutama AS, Australia serta Russia dalam merencana strategi terbaik mengekang perluasan China, sekali gus mencari penyelesaian jangka panjang terbaik bagi isu nuklear di Korea Utara.

China tidak akan berhasrat menghentikan momentum perluasan kuasanya di rantau ini untuk terus mempertahankan impiannya untuk wujud sebagai kuasa dominan Asia dan mengubah sistem global untuk tidak terus berada di bawah pengaruh AS.

Bagi China, ia menjulang legitimasi sebagai kuasa besar untuk mempertahankan hak pembangunan dan kebangkitan China, sekali gus suara kepada negara membangun lain untuk tidak mengikut rentak Barat serta AS.

Pada masa sama, sekutu AS turut membayangkan keinginan sama untuk mempertahankan kebebasan dan keselamatan negara lain di rantau yang kian terhakis di bawah tindakan serta polisi agresif China yang dilihat akan mencetuskan kesan domino kepada prospek masa hadapan rantau. Dalam konteks ini, rejim Jong-Un dilihat tidak akan melepaskan kelebihan kuasa nuklear dalam jangka terdekat selagi tidak mendapat jaminan secara fizikal melalui penarikan semula pangkalan dan pakatan ketenteraan di Korea Selatan serta sekatan ekonomi dikenakan, selain bantuan kewangan lain yang dapat memberikan pulangan positif kepada kelangsungannya.

Selagi aspek ini tidak dapat dipenuhi, kuasa nuklear tetap menjadi peneraju dan penentu kesinambungan kuasa Korea Utara. Senario keselamatan Indo-Pasifik akan terus diwarnai risiko konflik tinggi dan konflik di rantau lain terutama di Ukraine serta keruncingan krisis tenaga dan pergelutan penguasaan teknologi dan ekonomi berpotensi menjadi pencetus.

Wadah keselamatan rantau pada tahun ini dijangka akan terus berada di ambang ketidak-tentuan dan percaturan AS dengan China akan berperanan terbesar dalam menentukan sama ada diplomasi akan menjadi sandaran sebagai langkah mengelakkan konflik berangkai dan menjamin kestabilan rantau.

DISEDIAKAN OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM